# TAKLIMAT PEMBERIMILIKAN TANAH DI SABAH

**KEPADA**

**PESERTA BENGKEL**
**PENGURUSAN TANAH PERSEKUTUAN NEGERI SABAH BIL. 1/2012**

**OLEH**

**LEE CHUN KHIONG**
**TIMBALAN PENGARAH (TANAH)**
**JABATAN TANAH & UKUR, SABAH**
**12 JUN 2012**

# KANDUNGAN

1. TUJUAN
2. KUASA KE ATAS TANAH DAN HASIL TANAH DI BAWAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.
3. PEMBERIMILIKAN TANAH DI NEGERI SABAH
   - 3.1 KUASA-KUASA MELULUSKAN PERMOHONAN TANAH
   - 3.2 PROSEDUR PEMBERIMILIKAN TANAH
   - 3.3 STATISTIK PEMBERIMILIKAN TANAH
4. KESIMPULAN

# 1. TUJUAN

**Taklimat ini disampaikan untuk memberi penerangan tentang proses pemberimilikan tanah yang diamalkan di Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.**

## 2. KUASA KE ATAS TANAH DI BAWAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.

Di bawah Bahagian 6 (Perhubungan antara Persekutuan dengan Negeri-Negeri) Artikel 74 (Jadual Ke-9) dan Artikel 77 Perlembagaan Persekutuan, hal-hal berhubungkait dengan tanah di Negeri Sabah dan Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Pemberimilikan Tanah di Negeri Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui Ordinan Tanah, Bab 68.

# 2. KUASA KE ATAS HASIL TANAH DI BAWAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

**ARTIKEL 110 (1) ~ Tertakluk kepada Fasal (2), tiap-tiap satu Negeri hendaklah menerima segala pendapatan dari cukai, bayaran dan lain-lain punca hasil yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual yang Kesepuluh setakat mana yang dipungut, dilevi atau didapatkan dalam Negeri itu;**

**BAHAGIAN 3 JADUAL KESEPULUH ~ Sumber-sumber hasil yang diserahkan kepada Negeri.**

- (2) Hasil dari tanah, lombong dan hutan.
- (3) Hasil dari lesen-lesen, lain daripada lesen-lesen berhubung dengan kereta-kereta yang didorongi jentera................
- (6) Bayaran-bayaran dan terimaan-terimaan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang dijalankan oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri.
- (9) Sewa-sewa mengenai harta Negeri.
- (11) Terimaan-terimaan dari jualan-jualan tanah dan jualan-jualan harta Negeri.

# 3. PEMBERIMILIKAN TANAH DI NEGERI SABAH

## 3.1. KUASA-KUASA MELULUSKAN PERMOHONAN TANAH

### ORDINAN TANAH
### (Bab 68)

### ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 9(1)

| | |
|---|---|
| **Bab 68** | **Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah sub-seksyen (1) seksyen 9 Ordinan Tanah, KABINET DENGAN INI MEMBERI KEPADA PENGARAH TANAH DAN UKUR arahan-arahan mengenai pemberimilikan tanah kerajaan seperti berikut:** |
| **Hakmilik Anak Negeri (tidak melebih 6 hektar) dsb.** | **1. Berkenaan dengan permohonan tanah untuk sesuatu Hakmilik Anak Negeri, tanah Kerajaan hanya boleh diberimilik dengan rekomendasi Penolong Pemungut Hasil Tanah bagi daerah di mana tanah itu berada dalam kes-kes berikut:**<br><br>**(a) Di mana mengikut seksyen 16 Ordinan Tanah pemberimilikan tanah adalah dibuat kepada seorang penuntut bagi hak adat negeri yang telah dibuktikan di bawah seksyen 15 Ordinan tersebut:** |

## 3.1 KUASA-KUASA MELULUSKAN PERMOHONAN TANAH

## ORDINAN TANAH
## (Bab 68)

## ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 9(1)

| | |
|---|---|
| Bab 68<br><br>Hakmilik Anak Negeri (tidak melebihi 6 hektar) dsb. | (b) Di mana pemberimilikan tanah adalah dibuat berkenaan dengan permohonan tanah bagi keluasan tidak melebihi 6 hektar:<br><br>Dengan syarat bahawa kedudukan tanah yang dipohon itu boleh didekati dengan senang untuk tujuan pembangunan dan pengukuran:<br><br>Dan dengan syarat tambahan bahawa permohonan tanah tersebut bukanlah sebahagian daripada permohonan secara berkelompok untuk tanah Kerajaan yang melebihi 20 hektar; dan<br><br>(c) Di mana pemberimilikan tanah adalah dibuat berkenaan dengan permohonan tanah bagi suatu kawasan yang jatuh ke dalam skim yang dirancang lebih dahulu oleh Jabatan Tanah dan Ukur. |

| | |
|---|---|
| **Pajakan Desa dan Hakmilik Anak Negeri (melebihi 6 hektar) dsb.** | **2. Berkenaan dengan permohonan tanah bagi -**<br><br>**(a) suatu Pajakan Desa; dan**<br>**(b) suatu Hakmilik Anak Negeri yang melebihi 6 hektar.** |

| | (1) *Keluasan* | (2) *Pihak Berkuasa* |
|---|---|---|
| (i) | 50 hektar dan ke bawah …….. (untuk tujuan pertanian, akuakultur, perikanan dan penternakan sahaja) | Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah |
| (ii) | 50 hektar dan ke bawah …….. (untuk tujuan selain daripada tujuan disebut dalam item (i)) | YAB Ketua Menteri |
| (iii) | Melebihi 50 hektar tetapi ke bawah 250 hektar (untuk semua tujuan) | YAB Ketua Menteri |
| (iv) | 250 hektar dan ke atas (untuk semua tujuan) | Kabinet |

# 3.2 PROSEDUR PEMBERIMILIKAN TANAH DI NEGERI SABAH

# PROSEDUR PEMBERIMILIKAN TANAH DI BAWAH ORDINAN TANAH, BAB 68.

| | |
|---|---|
| **Pemohon** | |
| **Penolong Pemungut Hasil Tanah** | Pendaftaran / Pemprosesan (Seksyen 12, 70) |
| | Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal dan pamir seksyen 13 |
| **Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah (JPTD)** | Kelulusan / Rekomendasi (Seksyen 9 ) |
| **Pengarah Tanah dan Ukur** | Menapis / Memperakukan / Meluluskan (Seksyen 9 ) |
| **Setiausaha Hasil Bumi** ↔ | **YAB KETUA MENTERI / KABINET** (Seksyen 9 ) |
| **Pengarah Tanah dan Ukur** | Arahan Ukur atau Surat Tawaran |
| **Juruukur Daerah** | SP/RSP / Data Ukur |
| **Pengarah Tanah dan Ukur** | Draf Geran (Seksyen 88) |
| **Pemilik Tanah** | |

Tempoh masa untuk menyelesaikan proses pemberimilikan Tanah mengambil masa 24 bulan.

## PROSEDUR BAHARU PEMBERIMILIKAN TANAH.

1. **Proses Pemberimilikan Tanah Kepada Jabatan/Agensi Persekutuan;**

2. **Proses Pemberimilikan Tanah Kepada Jabatan/Agensi Negeri.**

3. **Proses Pemberimilikan Tanah Kepada Anak Negeri Sabah;**

*Tarikh berkuatkuasa prosedur-prosedur di atas adalah pada **01 Januari 2010**.*

# PROSEDUR BAHARU PEMBERIMILIKAN TANAH.

## 1. Proses Pemberimilikan Tanah Kepada Jabatan/ Agensi Persekutuan;

**Kategori Tanah.**

(a) Tanah yang diambil balik oleh Kerajaan melalui proses pengambilan balik tanah di bawah Ordinan Pengambilan Balik Tanah Bab 69;

**Tujuan Permohonan Tanah** -

Untuk semua jenis pembangunan tanah oleh Persekutuan.

Tempoh masa untuk memproses permohonan tanah di peringkat daerah dalam kategori ini adalah **2 bulan** sahaja.

# PROSEDUR BAHARU PEMBERIMILIKAN TANAH.

## 2. Proses Pemberimilikan Tanah Kepada Jabatan/ Agensi Negeri;

**Kategori Tanah.**

Tanah yang diambil balik oleh Kerajaan melalui proses pengambilan balik tanah di bawah Ordinan Pengambilan Balik Tanah Bab 69;

**Tujuan Permohonan Tanah** -

Untuk semua jenis pembangunan tanah oleh Persekutuan.

Tempoh masa untuk memproses permohonan tanah di peringkat daerah dalam kategori ini adalah **2 bulan** sahaja.

## PROSEDUR BAHARU PEMBERIMILIKAN TANAH.

# 3. Proses Pemberimilikan Tanah Kepada Anak Negeri Sabah;

**Seksyen 70(1) (Native Lands)**

***70. (1) Application for State land under this Part shall be made to the Collector,and shall be dealt with without delay and as far as possible in the order in which they are received.***

**Kaedah Tanah 2(1)**

***2 (1) Every application for State land shall be in writing and shall contain a sketch showing approximately the situation of the land applied for:***

***Provided that application for titles under Part IV may be made orally to the Collector.***

# PROSEDUR BAHARU PEMBERIMILIKAN TANAH.

## Kategori Tanah.

(a) Tanah Kerajaan yang tidak termasuk dalam kawasan yang dirancang oleh Kerajaan;

(b) Tanah Kerajaan seluas 15 ekar atau tanah kocek (pocket land) termasuk permohonan tanah berkumpulan tidak melebihi 50 ekar.

**Tujuan Permohonan Tanah** -
Semua jenis pertanian untuk pemakanan **kecuali** untuk tanaman sawit dan tanaman getah.

**Nota:**

**(i). Tempoh masa untuk memproses permohonan tanah di peringkat daerah hanya akan mengambil masa 3 bulan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah. Jangka masa untuk memberi kelulusan permohonan tanah dalam kategori tanah ini adalah hanya 9 bulan sahaja.**

**(ii). Surat Pekeliling Tanah Bil. 01/2012 dikeluarkan bagi merangkumi semua jenis tujuan pertanian yang dipohon oleh Anak Negeri Sabah atas syarat NT.**

## Prosedur Baharu Untuk Pemberimilikan Tanah Kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan/Agensi Negeri Di Peringkat Daerah.

**Pemohon** — Mengemukakan borang PT.

↓

**PPHT** — Mendaftar PT.

↓

**JUD** — Ulasan status tanah

↓

**PPHT**
- Sediakan notis di bawah sek. 13 untuk tempoh sebulan bagi tanah di luar bandar.
- Mengemukakan Perakuan Kelulusan oleh PPHT ke Ibu Pejabat.

↓

**PTU**

**Nota:**

**Jangka masa untuk menyelesaikan pemprosesan PT. di Peringkat Daerah ialah 3 bulan sahaja.**

## Prosedur Baharu Untuk Pemberimilikan Tanah Kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan/Agensi Negeri Di Peringkat Ibu Pejabat.




**Nota:**

**Jangka masa untuk memberimilik tanah ialah 6 bulan dengan syarat pembayaran premium, setuju-terima surat tawaran dan pengukuran dilaksanakan dengan segera.**

# 3.3 STATISTIK PEMBERIMILIKAN TANAH

# STATISTIK

## PEMBERIMILIKAN TANAH

| Hakmilik Tanah Berdaftar Sehingga 31 Disember 2011 | | |
|---|---|---|
| **JENIS HAKMILIK** | **BILANGAN** | **LUAS (HEKTAR)** |
| Native Title (NT) | 173,496 | 443,867 |
| Field Register (FR) | 16,956 | 43,813 |
| Town Lease (TL) | 19,942 | 3,207 |
| Country Lease (CL) | 132,207 | 1,283,569 |
| Provisional Lease (PL) | 6,051 | 196,505 |
| **JUMLAH** | **348,652** | **1,970,961** |




BILANGAN HAKMILIK




KELUASAN (HEKTAR)

# 4. KESIMPULAN

**Adalah diharapkan Taklimat ini dapat memberikan penjelasan tentang Prosedur Pemberimilikan Tanah yang diamalkan di Negeri Sabah.**

SEKIAN,

TERIMA KASIH.